

Angkatan Tentera										Kadar Sebulan
Ketua Turus Angkatan Tentera	\$2,000
Jeneral	\$1,600
Lefltanan Jeneral	\$1,200
Mejar Jeneral	\$ 800
Brigadier Jeneral	\$ 550
Kolonel	\$ 500

Badan Berkanun dan Kuasa Tempatan										Kadar Sebulan
A2 dan A3	\$2,000
A4	\$1,600
A5	\$1,200
A6	\$1,000
Professor A7/A6	\$ 800
A7	\$ 800
A8	\$ 600
Professor Madya A9/A8	\$ 550
A9	\$ 550
A10	\$ 500

3. Jika pegawai yang berkenaan bercuti dengan bergaji penuh, maka Elaun Keraian yang layak dibayar kepadanya hendaklah mengikut kadar yang berasaskan kepada gaji hakikinya.

4. Pegawai dalam Tingkatan-tertinggi "G" ke atas dan yang setaraf dengannya (mengikut perenggan 4 (ii) dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 1980) yang bertugas di Perwakilan Malaysia adalah juga layak dibayar Elaun Keraian mengikut kadar dan syarat yang ditetapkan di perenggan-perenggan 2 dan 3 di atas.

Elaun Keraian Bagi Pegawai Lain

5. Elaun Keraian bagi pegawai lain adalah diteruskan di atas kadar dan peraturan berikut:

(a) Perkhidmatan Awam

Bagi pegawai yang terke bawah daripada Tingkatan-tertinggi "G", Elaun Keraian di atas kadar 5% daripada gaji bersih mereka masing-masing adalah diteruskan tertakluk kepada syarat yang sama iaitu Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Malaysia telah meluluskan bahawa sifat tugas jawatan mereka itu memerlukan mereka kerap kali merai tetamu dan orang kenamaan.

(b) Pasukan Polis

Elaun Keraian bagi Pegawai Polis yang terke bawah daripada pangkat Penolong Pesuruhjaya Polis dan memegang jawatan-jawatan pemerintah adalah diteruskan seperti berikut:

						Kadar Sebulan
Pegawai Pemerintah Briged PPH	\$150	} atau 5% daripada gaji bulanannya, mengikut mana yang lebih tinggi
Pegawai Pemerintah Batalion PPH	\$100	
Komandan Sekolah Latihan PPH	\$100	
Komandan Maktab Polis	\$100	
Komandan Pusat Latihan Polis	\$100	
Komandan Sekolah Latihan Cawangan Khas	\$100	
Sab-Inspektor PPH	\$ 50	

(c) *Angkatan Tentera*

Elaun Keraian bagi pegawai Angkatan Tentera yang terke bawah daripada pangkat Kolonel dan memegang jawatan-jawatan pemerintah adalah diteruskan seperti berikut:

	Kadar Sebulan
Leftenan Kolonel \$100	} atau 5% daripada gaji bulanannya, mengikut mana yang lebih tinggi
Mejar \$ 75	
"Regimental Sargeant Major" \$ 50	

(d) *Badan Berkanun dan Kuasa Tempatan*

Pegawai yang terke bawah daripada A10 yang memegang jawatan-jawatan sebagai Ketua Pengurus Kerja (Chief Executive) atau Ketua Cawangan (Branch Manager) dan sekiranya dikehendaki mengadakan keraian mengikut tugas-tugas rasmi adalah terus layak dibayar Elaun Keraian di atas kadar 5% daripada gaji bersih.

6. Elaun Keraian di bawah perenggan 5 di atas tidak boleh dibayar apabila pegawai berkenaan bercuti atau tidak membuat tugas-tugas jawatan itu melebihi daripada 28 hari berturut-turut termasuk hari-hari kelepasan mingguan dan cuti am.

KEMUDAHAN-KEMUDAHAN PERUMAHAN

Bayaran Bantuan Sewa Rumah

7. Pegawai dalam Tingkatan-tertinggi "G" ke atas dan yang setaraf dengannya (mengikut perenggan 4 (ii) dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 tahun 1980) yang tidak menduduki rumah Kerajaan/Pihak Berkuasa atau rumah yang disewa oleh Kerajaan/Pihak Berkuasa adalah layak diberi Bayaran Bantuan Sewa Rumah dengan kadar-kadar yang berikut:

	Tingkatan Pegawai	Kadar Sebulan
Ketua Setiausaha Negara	\$2,000
Tingkatan Turus I	\$2,000
Tingkatan Turus II	\$2,000
Tingkatan Turus III	\$2,000
Tingkatan-tertinggi "A"	\$1,500
Tingkatan-tertinggi "B"	\$1,250
Tingkatan-tertinggi "C"	\$1,000
Tingkatan-tertinggi "D"	\$ 750
Tingkatan-tertinggi "E"	\$ 600
Tingkatan-tertinggi "F"	\$ 450
Tingkatan-tertinggi "G"	\$ 350

8. Sekiranya kadar Bayaran Bantuan Sewa Rumah yang berkuatkuasa sekarang bagi pegawai Angkatan Tentera yang berpangkat Kolonel ke atas lebih tinggi daripada kadar baru yang ditetapkan bagi grednya mengikut perenggan 7 di atas, maka pegawai itu bolehlah dibayar mengikut kadar yang ada sekarang. Sebaliknya jika kadar baru itu lebih tinggi daripada kadar yang ada sekarang maka ia layak dibayar mengikut kadar yang baru itu.

9. Kaedah Bayaran Bantuan Sewa Rumah di perenggan 7 dan 8 di atas adalah seperti berikut:

- (i) Bantuan Sewa Rumah adalah dibayar kepada pegawai yang berkenaan yang tidak menduduki rumah Kerajaan/Pihak Berkuasa atau rumah yang disewa oleh Kerajaan/Pihak Berkuasa;
- (ii) Pegawai berkenaan yang menduduki rumah Kerajaan/Pihak Berkuasa, Rumah Khas Jawatan atau rumah yang disewa oleh Kerajaan/Pihak Berkuasa tidak dikenakan apa-apa bayaran sewa tetapi tidak layak dibayar Bantuan Sewa Rumah;

- (iii) Bagi suami dan isteri yang kedua-duanya dalam Tingkatan-tertinggi "G" hingga Tingkatan-tertinggi "B" dan menduduki rumah Kerajaan/Pihak Berkuasa, Rumah Khas Jawatan atau rumah yang disewa oleh Kerajaan/Pihak Berkuasa, hanya pegawai yang diperuntukkan rumah demikian sahaja tidak layak dibayar Bantuan Sewa Rumah;
- (iv) Pegawai yang berkenaan yang mengikuti kursus dengan bergaji penuh sama ada dengan biasiswa ataupun tidak adalah layak dibayar Bantuan Sewa Rumah. Tetapi jika biasiswa yang diterimanya itu mengandungi unsur bantuan sewa rumah yang nilainya sama atau lebih rendah daripada kadar Bantuan Sewa Rumah yang dilayaki di bawah perenggan 7 di atas, maka unsur bantuan sewa rumah itu hendaklah ditolak daripada biasiswa yang diterimanya. Walau bagaimanapun, jika unsur bantuan sewa rumah yang terkandung dalam biasiswa itu lebih tinggi, maka ia layak menerima unsur bantuan sewa rumah yang terkandung dalam biasiswanya itu, tetapi sebaliknya ia tidak layak dibayar Bantuan Sewa Rumah mengikut perenggan 7 di atas.

10. Pegawai dalam Tingkatan-tertinggi "G" ke atas dan yang setaraf dengannya (mengikut perenggan 4 (ii) dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 tahun 1980) yang menduduki rumah Kerajaan/Pihak Berkuasa atau rumah yang disewa oleh Kerajaan/Pihak Berkuasa, selain daripada Rumah Khas Jabatan atau Jawatan, dan pegawai itu telah diberi Bantuan Pinjaman Perumahan dan rumah yang dibelinya itu pula telah disahkan oleh Pihak Berkuasa layak diduduki hendaklah mengosongkan rumah Kerajaan/Pihak Berkuasa yang didudukinya itu dengan segera jika rumah Kerajaan/Pihak Berkuasa itu terletak dalam lingkungan 20 kilometer daripada pejabatnya.

Bayaran Bantuan Menyenggara Rumah

11. Pegawai dalam Tingkatan-tertinggi "A" ke atas dan yang setaraf dengannya (mengikut perenggan 4 (ii) dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 tahun 1980) adalah layak dibayar Bayaran Bantuan Menyenggara Rumah mengikut kadar yang berikut:

Ketua Setiausaha Negara	\$2,000 setahun
Tingkatan Turus I	\$1,500 setahun
Tingkatan Turus II	\$1,500 setahun
Tingkatan Turus III	\$1,500 setahun
Tingkatan-tertinggi "A"	\$1,000 setahun

Bekalan Elektrik dan Air Percuma

12. Pegawai dalam Tingkatan-tertinggi "A" ke atas dan yang setaraf dengannya (mengikut perenggan 4 (ii) dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 tahun 1980) adalah layak menuntut balik bayaran elektrik dan air yang digunakan di sebuah rumah kediaman yang didudukinya.

Bayaran Bantuan Orang Gaji

13. Pegawai dalam Tingkatan-tertinggi "A" dan ke atas dan yang setaraf dengannya (mengikut perenggan 4 (ii) dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 tahun 1980) adalah layak menuntut bayaran bantuan gaji bagi tiap pekerja rumah yang digajinya, di atas kadar yang bersamaan dengan tanggagaji D28 iaitu $\$250 \times 10 - 290 \times 15 - 365$, tertakluk kepada had bilangan seperti berikut:

Perkhidmatan Awam

Ketua Setiausaha Negara	2 orang gaji
Tingkatan Turus I (A1)	2 orang gaji
Tingkatan Turus II (A2)	2 orang gaji
Tingkatan Turus III (A3)	2 orang gaji
Tingkatan-tertinggi "A" (A4)	1 orang gaji

14. Pegawai adalah juga layak menuntut bayaran-bayaran berikut daripada Kerajaan:

- (a) Caruman majikan terhadap Kumpulan Wang Simpanan Pekerja bagi pekerja-pekerja yang digajinya itu di atas kadar yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa;
- (b) Bayaran ex-gratia bagi pekerja-pekerja yang digajinya apabila perkhidmatan mereka ditamatkan bukan di atas sebab-sebab tatatertib, di atas kadar 17½% daripada bayaran bantuan gaji bulanan yang terakhir bagi tiap-tiap bulan perkhidmatan yang memuasskan ditolak jumlah sebanyak beberapa peratus yang sepatutnya pada masa itu menjadi sumbangan majikan bagi sesuatu pencaruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja.

15. Pegawai dalam Pasukan Polis dan Angkatan Tentera tidaklah layak menuntut bayaran orang gaji ini tetapi adalah terus layak menikmati perkhidmatan "orderly" atau "batman" mengikut kelayakan sekarang seperti berikut:

Pasukan Polis

Ketua Polis Negara	3 orang "orderly"
Timbalan Ketua Polis Negara	2 orang "orderly"
Pesuruhjaya Polis	1 orang "orderly"
Timbalan Pesuruhjaya Polis	1 orang "orderly"
Penolong Kanan Pesuruhjaya Polis	1 orang "orderly"
Pegawai Pemerintah Briged	1 orang "orderly"
Pegawai Pemerintah Batalion	1 orang "orderly"

Angkatan Tentera

Ketua Turus Angkatan Tentera	3 orang "batman"
Ketua Turus Tentera Darat	2 orang "batman"
Ketua Turus Tentera Laut	2 orang "batman"
Ketua Turus Tentera Udara	2 orang "batman"
Pegawai lain berpangkat Brigadier Jeneral dan ke atas	1 orang "batman"
Pemerintah Briged, Garison dan Batalion	1 orang "batman"

Bayaran Bantuan Gaji Drebar

16. Pegawai Tingkatan-tertinggi "A" ke atas, dan pegawai Badan Berkanun dan Kuasa Tempatan yang setaraf yang dibekalkan dengan kereta rasmi tetapi tidak diberi Drebar Jabatan adalah layak menuntut Bayaran Bantuan Gaji Drebar di atas kadar bersamaan dengan tanggagaji D43-1 iaitu \$280×10-300×15-345/360×15-465 sebulan.

17. Pegawai berkenaan adalah juga layak menuntut bayaran-bayaran berikut:

- (a) Caruman majikan terhadap Kumpulan Wang Simpanan Pekerja bagi Drebar yang digajinya itu di atas kadar yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa;
- (b) Bayaran Elaun Lebihmasa mengikut kadar dan peraturan yang ditetapkan dalam perkhidmatan awam bagi Drebarnya yang bekerja lebihmasa serta Elaun Hidup bagi Drebar itu menurut kadar dan peraturan yang ditetapkan oleh Perbendaharaan Malaysia dari semasa ke semasa;
- (c) Bayaran bagi membuat pakaian seragam untuk Drebarnya di atas kadar dan peraturan yang ditetapkan oleh Perbendaharaan Malaysia bagi 3 pasang baju dan seluar dan 2 pasang kasut setahun;
- (d) Bayaran saguhati (ex-gratia) bagi Drebarnya yang khidmatnya ditamatkan bukan di atas sebab-sebab tatatertib di atas kadar 17½% daripada gaji bulanan terakhir Drebar itu bagi tiap-tiap bulan perkhidmatan yang memuaskan dengan ditolak jumlah sebanyak beberapa peratus yang sepatutnya pada masa itu menjadi sumbangan majikan bagi sesuatu pen-caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja.

Lawatan dengan Tambang Percuma bagi Pegawai Tingkatan-tertinggi "A" ke atas

18. Pegawai Tingkatan-tertinggi "A" ke atas dan setaraf dengannya (mengikut perenggan 4 (ii) dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 tahun 1980) adalah layak menikmati kemudahan tambang perjalanan percuma ke luar negeri sekali dalam tempoh lima tahun perkhidmatan untuk pegawai, seorang isteri dan tiga orang anak di bawah umur 18 tahun dalam tanggungannya. Tambang untuk perjalanan itu tidak boleh melebihi tambang dari Kuala Lumpur ke London pergi dan balik iaitu tambang Kelas I bagi pegawai dan seorang isteri dan tambang Kelas Ekonomi bagi anak-anak yang mengiringinya.

Pindaan kepada Lampiran "D"

19. Dengan ini perenggan 15 dan 17 dalam Lampiran "D" kepada Pekeliling-pekelling Perkhidmatan yang melaksanakan penyemakan gaji di bawah Laporan Jawatankuasa Kabinet 1977 dan 1978 hendaklah dipinda di mana yang perlu untuk melaksanakan elaun-elaun dan kemudahan-kemudahan yang baru seperti yang diperuntukkan dalam Pekeliling ini.

Pembatalan

20. Pekeliling Perkhidmatan dan Surat Pekeliling Perkhidmatan yang berikut adalah dibatalkan mulai daripada 1hb Julai, 1980:

Pekeliling Perkhidmatan Bil. 11 tahun 1979;

Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 15 tahun 1979.

21. Ketua-ketua Jabatan dan Ketua-ketua Pegawai Kerja Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan adalah bertanggungjawab untuk menentukan pelaksanaan syarat-syarat Pekeliling Perkhidmatan ini dan sekiranya ada sebarang keraguan, maka penjelasan hendaklah diminta daripada Ketua Pengarah, Jabatan Perkhidmatan Awam, Malaysia.

TAN SRI HASHIM BIN AMAN,
*Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia*

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM,
MALAYSIA,
KUALA LUMPUR

18hb Jun, 1980